



**BAHAGIAN PELESENAN
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN
MAJLIS DAERAH YAN**

NO. TEL: 04-4655745 / 04-4658051

FAX: +604-4655990

**LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN
(LESEN KOMPOSIT)**

BILA DIKUATKUASAKAN/EDISI GARIS PANDUAN

APRIL 2021

1.0 PENGENALAN

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah sebuah agensi yang telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mengatur dan mengawal selia sebarang aktiviti perniagaan yang dijalankan di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

2.0 PUNCA KUASA

Terdapat dua (2) Kategori Lesen Perniagaan di Daerah Yan iaitu Lesen Premis Perniagaan & Iklan, dan Permit Perniagaan, ianya dilesenkan di bawah **Undang-undang Kecil Pelesenan Premis, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Yan) 2011**

Berikut adalah senarai perundangan dan peraturan yang digunapakai dalam mengawalselia aktiviti perniagaan yang dijalankan di Majlis Daerah Yan:-

1. Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Yan) 2011
2. Undang-undang Kecil Penjaja (PBT) Negeri Kedah 1983
3. Undang-undang Kecil Iklan (Penguasa-penguasa tempatan) Negeri Kedah 1982
4. Undang-undang Kecil Hotel (Majlis Daerah Yan) 2011
5. Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan dan Pusat Penjagaan Kesihatan (PBT) 2018
6. Undang-undang Kecil Pasar Borong (PBT) Negeri Kedah 2018

3.0 OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk memudahkan cara serta memberi panduan kepada orang awam/peniaga dalam proses permohonan lesen dengan Majlis Daerah Yan.

4.0 MAKLUMAT PEGAWAI/JABATAN UNTUK DIHUBUNGI

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (U32)

Puan Nuruljannah Binti Abdullah

Bahagian Pelesenan

Jabatan Kesihatan Persekitaran

Majlis Daerah Yan

06900 Yan

Kedah Darul Aman

04-4655745 / 04-4658051

5.0 AKTIVITI YANG PERLU DILESENKAN

Sebarang aktiviti berbentuk perniagaan yang dijalankan di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Yan (seluruh Daerah Yan) perlu mendaftarkan/melesenkan aktiviti perniagaan mereka kepada pihak Majlis Daerah Yan. Terdapat dua kategori permohonan lesen seperti berikut:-

5.1 Lesen Premis Perniagaan & Iklan

Menjalankan sebarang aktiviti perniagaan /kormesil di kawasan atau premis bangunan kekal /bangunan sementara yang berada di bawah kawalan pentadbiran Majlis Daerah Yan. Pemohon perlu mengisi **BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN**.

Contoh aktiviti perniagaan :

BIL	JENIS LESEN
1	RESTORAN
2	KANTIN
3	TUKANG GIGI
4	PAJAK GADAI
5	BRG.BAHAYA/RACUN
6	BARANG TERPAKAI
7	SURAT TERIAK
8	KILANG KAYU
9	TUKANG PAIP
10	PEMBORONG
11	MEJA PASAR
12	KEDAI BUAH
13	SETOR
14	PENJAJA STATIK
15	PENJAJA
16	GUNTING RAMBUT
17	KEDAI ROTI/KEK
18	KEDAI MAKANAN/MINUMAN
19	SEKOLAH MEMANDU
20	BANGUNAN SEMENTARA
21	PENGIKLANAN
22	KETUK/BAIKI/CAT KERETA
23	BAIKI/JUAL MOTOSIKAL
24	JUAL/BELI BASIKAL
25	KEDAI BESI
26	KEDAI PERABOT
27	KEDAI ELEKTRIK
28	KEDAI EMAS
29	KEDAI PERUBATAN
30	BAIKI HAWA DINGIN
31	ALAT GANTI

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN (LESEN KOMPOSIT)

- 32 ALAT TULIS
- 33 KEDAI HARDWARE
- 34 KEDAI KOMPUTER
- 35 JUAL GAS
- 36 PASARAYA
- 37 MINI MARKET
- 38 SEK. PERDAGANGAN
- 39 BAIKI RADIO/TV
- 40 KILANG
- 41 ALAT PERTUKANGAN
- 42 TAN SEMBELIH
- 43 KEDAI JAM
- 44 KAUNTER TIKET BAS
- 45 PAM MINYAK
- 46 JUAL TAYAR
- 47 WAKIL INSURAN
- 48 KEDAI GAMBAR
- 49 KEJURUTERAAN
- 50 ANAK IKAN HIASAN
- 51 KEDAI KACA
- 52 KEDAI KASUT
- 53 BAIKI JENERATOR
- 54 PERBAIKI MESIN PADI
- 55 KERETA TERPAKAI
- 56 STOKIS
- 57 KEDAI RUNCIT
- 58 KEDAI JAHIT
- 59 KEDAI HANDPHONE
- 60 KEDAI CENDERAMATA
- 61 PROSES AYAM
- 62 BAHAN BINAAN
- 63 SALON KECANTIKAN
- 64 KERETA SEWA
- 65 PERALATAN HOSPITAL
- 66 ALATAN MEMANCING
- 67 PEJABAT URUSAN
- 68 BARANG ALUMINIUM
- 69 JENTERA PERTANIAN
- 70 BARANG PLASTIK
- 71 KEDAI PAKAIAN / BUTIK
- 72 BARANG BULUH/ROTAN
- 73 SEWA ALAT PENGANTIN
- 74 CERMIN MATA
- 75 KEDAI BUKU
- 76 PASAR MALAM
- 77 PUSAT TUISYEN
- 78 PRODUK SEJUK BEKU

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN (LESEN KOMPOSIT)

- 79 TELEKOMUNIKASI
- 80 HIASAN DALAMAN
- 81 FARMASI
- 82 HERBA/UBAT
- 83 PUSAT BACAAN
- 84 BAIKI LORI
- 85 KEDAI KESET
- 86 MAHJONG
- 87 PEMROSESAN MAKANAN
- 88 MINUMAN BERKARBONAT
- 89 TASKA
- 90 TADIKA
- 91 PUSAT DOBI
- 92 KEDAI KAIN/KARPET
- 93 LESEN PEJ.KONTRAKTOR
- 94 BENGKEL PERABOT
- 95 HOMESTAY / RUMAH TUMPANGAN
- 96 GUDANG
- 97 KEDAI MAKANAN DAN MINUMAN
- 98 KATERING
- PERKHIDMATAN SEWA KERETA
- 99 MAINAN ELEKTRIK
- PERKHIDMATAN BADUT DAN
- 100 MASKOT
- 101 KILANG PROSES MAKANAN
- 102 KOLAM RENANG
- 103 TAPAK PERKHEMAHAN
- 104 PENTERNAKAN
- 105 TAPAK SEMAIAN
- 106 PERKHIDMATAN KURIER

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN (LESEN KOMPOSIT)

Kaedah Mengisi borang

Perlu mendapatkan borang di Pejabat MDY atau boleh muat turun daripada Laman web rasmi MDY.

Contoh Senarai Semak Borang Lesen Premis Perniagaan

SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN




Perkara	Ada	Tiada	Catatan
Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan (Borang Komposit Dan Iklan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Satu (1) Salinan Kad Pengenalan Atau Salinan Butiran Maklumat Passport	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Dua (2) Keping Gambar Benkuran Kad Pengenalan/ Lesen	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
“(Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (Borang 24 Dan Borang 49)” Mengikut Akta Pendaftaran Syarikat 1965	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Salinan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) Atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Dalam Perniagaan Atau Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan) Mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Salinan Sijil Kelayakan Menjaduki Bangunan (CF @ CCC) Atau Perijinan Sewa Premis Dan Kebenaran Pemilik Bangunan / Gerak Tanah (Tanah Persendirian)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Satu (1) Salinan Pelan Lokasi Premis	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Satu (1) Pelan Lakaran Lantai Premis	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Sokongan Peselesen Dari Jabatan Bomba Dan Penyelamat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Bayaran wang proses RM20.00	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	



GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN (LESEN KOMPOSIT)

Contoh Borang Lesen Premis Perniagaan



BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN

BAHAGIAN 1 : DATA AKTIVITI PERNIAGAAN

Alamat Premis Perniagaan :

A) Jenis Aktiviti Perniagaan yang dijalankan

Bil	Aktiviti Perniagaan Djalankan	Unit/Tingkat	Keluasan Premis (MP/M ²)

B) Maklumat tambahan jika melibatkan aktiviti perniagaan berikut:

Bil	Aktiviti Perniagaan Lain yang Djalankan	*Unit / Bilangan
1	Kedai Gunting	Bil Kerusi:
2	Hotel / Chalet / Rumah Tumpangan	Bil Bilik / Buah:
3	Tempat Letak Kereta Persendirian	Bil Petak:
4	Panggung Wayang	Bil Kerusi:
5	Menyimpan minyak Petroleum	Bil Liter Isipadu: Bil Tangki Skid:
6	Karaoke	Bil Bilik:
7	Bowling	Bil Lane:

6.0 SEKATAN/PENGECUALIAN/PEMBEKUAN

1. Pihak MDY tidak melesenkan sebarang aktiviti berbentuk hiburan dan lesen menjual liquor / minuman yang memabukkan. Ianyanya di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah Yan menurut Undang-undang yang telah diperuntukan.
2. Pengecualian daripada melesenkan perniagaan terhadap beberapa aktiviti perniagaan profesional seperti klinik perubatan/ pergigian swasta, hospital swasta, pejabat urusan termasuk pejabat guaman, pejabat akauntan, institusi bank/kewangan dan sebagainya mengikut peruntukan perundangan PBT.
3. Senarai aktiviti perniagaan yang dilarang dan telah dibekukan permohonan baru atas faktor dan pertimbangan Kerajaan Negeri Kedah dan PBT berkaitan antaranya :-
 - a) Barang Lusuhan
 - b) Pusat Internet / Cyber cafe

7.0 SYARAT ASAS PERMOHONAN

1. Individu / Orang perseorangan yang berumur 18 tahun ke atas atau Syarikat Sendirian Berhad Dan Enterprise

8.0 BILA PERLU MOHON

1. Sebelum menjalankan perniagaan

9.0 KAEDAH PERMOHONAN

9.1 Hadir ke Pejabat (Secara Manual):

1. Mendapatkan borang permohonan lesen perniagaan
2. Melengkapkan borang (penerangan akan diberikan)
3. Menyediakan dokumen lampiran yang diperlukan
4. Wang proses sebanyak RM20.00 (ketika serah borang)

9.2 Secara Online

Sehingga kini pihak MDY sedang memproses kaedah permohonan lesen perniagaan secara Online.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

SEMUA PERMOHONAN LESEN AKAN DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL PELESENAN BULANAN DAN SETERUSNYA DISAHKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP MDY SERTA MESYUARAT MAJLIS PENUH MDY

Keputusan permohonan adalah bergantung dengan jenis permohonan lesen seperti berikut:-

- 30 hari bagi permohonan lesen-lesen berisiko dan lesen premis persendirian
- 24 jam bagi lesen tidak berisiko (Premis MDY)

Keputusan permohonan lesen akan dimaklumkan melalui panggilan telefon kepada pemohon dan surat kelulusan lesen daripada MDY

11.0 KEPERLUAN PEMATUHAN SEBELUM PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia. Bukan Warganegara adalah tidak dibenarkan memohon lesen.
2. Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan lesen dikemukakan
3. Mempunyai premis yang dicadangkan untuk dijadikan premis perniagaan.
4. Mengetahui jenis perniagaan yang akan dijalankan.
5. Memastikan mempunyai Sijil Suntikan TY2 (bagi perniagaan Makanan dan Minuman sahaja).
6. Premis perniagaan yang dipohon mestilah mempunyai kelulusan bangunan daripada Bahagian Bangunan, Majlis Daerah Yan.

12.0 KEPERLUAN PEMATUHAN SELEPAS PERMOHONAN

1. Sentiasa mempamerkan surat kelulusan/sijil/kad lesen yang dikeluarkan oleh pihak Majlis supaya pemantauan oleh jabatan Penguatkuasaan dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.
2. Memastikan setiap syarat-syarat/arahan/peraturan yang telah ditetapkan pada surat kelulusan dipatuhi oleh peniaga.

Contoh syarat:

SYARAT-SYARAT LESEN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

1. Lesen perniagaan hendaklah sentiasa di pameran di tempat yang mudah di lihat
2. Sila pameran lesen ini untuk pemeriksaan.
3. Lesen ini cukup tempohnya setahun mulai dari tarikh dikeluarkan.
4. Lesen ini hendaklah diperbaharui dalam tempoh dua minggu sebelum tamat tempohnya.
5. Bayaran denda lewat RM 30.00 akan dikenakan bagi lesen perniagaan yang lewat diperbaharui dan tambahan RM 10.00 bagi setiap bulan kelewatan.
6. Kompaun sebanyak RM 300.00 dikenakan bagi lesen yang tamat tempoh atau gagal diperbaharui.
7. Surat peringatan tidak akan dikeluarkan untuk memperbaharui akaun lesen perniagaan ini.
8. Premis perniagaan yang dilesenkan hendaklah digunakan untuk aktiviti perniagaan seperti yang tercatat dalam lesen sahaja.
9. Bertanggungjawab menjaga dan memastikan kebersihan kawasan aktiviti perniagaan.
10. Perlu memasang dan menggunakan alat perangkap minyak individu dalam premis jualan makanan/minuman serta memastikan tidak membuang/ menumpahkan/ membenarkan sebarang darah, cecair buangan, benda busuk atau sisa ke dalam mana-mana saluran/parit atau tempat awam
11. Aktiviti perniagaan hendaklah di jalankan dalam premis sahaja dan dilarang sama sekali menggunakan kaki lima atau kawasan persekitaran tanpa kebenaran Majlis.
12. Pemberian lesen ini adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil, Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikuatkuasakan oleh Majlis Daerah Yan, Kedah Darul Aman.
13. Semua bayaran hendaklah disertakan dengan bil-bil lesen.
14. Bayaran melalui cek-cek, money order dan sebagainya hendaklah dipangkah (Tidak -Boleh Niaga) dan dibayar kepada MAJLIS DAERAH YAN.
15. Jika terdapat masalah dan pertentangan sila hubungi BAHAGIAN PERLESENAN di Ibu Pejabat MDY atau telefon 04-4655745/ 4658051.
16. Sila maklum dan kembalikan lesen kepada Ibu Pejabat MDY, jika perniagaan dihentikan atau ditutup.
17. **Tidak dibenarkan** membekalkan beg plastik kepada pengguna kecuali apabila diminta dengan caj bayaran sebanyak **RM0.20** bagi setiap helai beg plastik pada hari **Jumaat** dan **Sabtu**.
18. **Tidak dibenarkan** menggunakan kertas bercetak dan bekas polistrena sebagai pembungkus makanan.
19. **Penyedut minuman plastik (straw) tidak boleh diberikan** kepada pelanggan secara kebiasaan (default) melainkan sekiranya diminta atau kepada pelanggan kurang upaya.
20. Pelesen bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan, bencana atau kejadian yang berlaku kepada mana-mana pihak yang berpunca dari aktiviti perniagaan.


GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN (LESEN KOMPOSIT)

21. Lesen akan ditarik balik pada bila-bila masa, sekiranya Majlis mendapati perniagaan tidak lagi bersesuaian atau berlaku pelanggaran pada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. Premis perniagaan yang dipohon mestilah mempunyai kelulusan bangunan daripada Bahagian Bangunan, Majlis Daerah Yan.
4. Sekiranya terdapat sebarang cadangan perubahan ke atas struktur premis/aktiviti perniagaan yang telah diluluskan, permohonan/pemakluman perlu dilakukan kepada pihak Majlis sebelum perubahan dibuat.
5. Menerima dan akur ke atas arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa

13.0 CARTA ALIR

CARTA ALIRAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN



14.0 BORANG PERMOHONAN & KEPERLUAN DOKUMEN SOKONGAN

Melengkapkan borang yang telah disediakan dengan melampirkan dokumen-dokumen seperti berikut:

1. Gambar berukuran passport (2 keping)
2. Salinan kad pengenalan depan & belakang (1 keping)
3. Salinan daftar perniagaan SSM yang lengkap (diperbaharui)
4. Salinan maklumat hak milik/sewa premis (perjanjian)
5. Salinan Surat Kelulusan Bangunan daripada Unit Bangunan, Majlis Daerah Sik
6. Salinan kad suntikan TY2 dan Sijil Pengendali Makanan (perniagaan makanan/minuman sahaja)
7. Lakaran pelan lokasi premis perniagaan
8. Gambar premis perniagaan – hadapan, sisi, dalam premis dan keseluruhan (4 keping)
9. Ulasan daripada jabatan teknikal luar yang berkaitan (Bomba, Polis, Pejabat Kesihatan, Verterinar, Perhilitan, Jabatan Perikanan, Jabatan Alam Sekitar dll)

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN (LESEN KOMPOSIT)

Dokumen tambahan diperlukan sekiranya melibatkan aktiviti perniagaan seperti berikut

TAMBAHAN DOKUMEN SOKONGAN BERDASARKAN AKTIVITI PERNIAGAAN

1. PREMIS MAKANAN

Perkara	Ada	Tiada	Catatan
Salinan Sijil Suntikan TY2	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Salinan Nama Pekerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Perangkaan Minyak / Grease Trap	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	

2. TADIKA / TASKA / TASKI / PUSAT JAGAAN

Perkara	Ada	Tiada	Catatan
Salinan Perakuan Pendaftaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Bagi Taska / Taski	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Salinan Sijil Pendaftaran Daripada Jabatan Pelajaran Negeri / Kementerian Pendidikan Bagi Tadika	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Salinan Surat Kelulusan Jabatan Kesihatan Bagi Taska / Taski / Tadika	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Salinan Sijil Suntikan TY2, Jika Berkaitan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	

3. PRODUK KESIHATAN / FARMASI

Perkara	Ada	Tiada	Catatan
Surat Sokongan Bahagian Perkhidmatan Farmasi Dan Jabatan Kesihatan Negeri	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	

4. PUSAT KECANTIKAN DAN PERNIAGAAN KESIHATAN

Perkara	Ada	Tiada	Catatan
Salinan Sijil Kursus/ Kemahiran	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Salinan Pemeriksaan Kesihatan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	

5. PERUSAHAAN / PERINDUSTRIAN / PERKILANGAN

Perkara	Ada	Tiada	Catatan
Perakuan Mesin Jentera Daripada Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jika Berkaitan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Kelulusan Daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) (Bagi Aktiviti Yang Menghasilkan Sisa Buangan Yang Membahayakan Persekitaran)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	
Kelulusan Daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	

6. LAIN – LAIN AKTIVITI PERNIAGAAN

Dokumen yang berkaitan aktiviti perniagaan

15.0 BAYARAN YANG DIKENAKAN

1. Borang permohonan lesen perniagaan tidak dikenakan bayaran.
2. Wang Proses sebanyak RM20.00
3. Fi Lesen mengikut Jadual Pertama, Undang-undang Kecil Pelesenan Premis, Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Yan) 2011

KADAR LESEN PERNIAGAAN MAJLIS DAERAH YAN

BIL	JENIS LESEN	KADAR BARU
1	RESTORAN	RM240.00
2	KANTIN	RM75.00
3	TUKANG GIGI	RM100.00
4	PAJAK GADAI	RM240.00
5	BRG.BAHAYA/RACUN	RM90.00
6	BARANG TERPAKAI	RM180.00
7	SURAT TERIAK	RM60.00
8	KILANG KAYU	RM240.00
9	TUKANG PAIP	RM60.00
10	PEMBORONG	RM180.00
11	MEJA PASAR	RM30.00
12	KEDAI BUAH	RM70.00
13	SETOR	RM60.00
14	PENJAJA STATIK	RM150.00
15	PENJAJA	RM60.00
16	GUNTING RAMBUT	RM60.00
17	KEDAI ROTI/KEK	RM70.00
18	KEDAI MAKANAN/MINUMAN	RM60.00
19	SEKOLAH MEMANDU	RM180.00
20	BANGUNAN SEMENTARA	RM200.00
21	PENGIKLANAN	RM90.00
22	KETUK/BAIKI/CAT KERETA	RM200.00
23	BAIKI/JUAL MOTOSIKAL	RM200.00
24	JUAL/BELI BASIKAL	RM150.00
25	KEDAI BESI	RM100.00
26	KEDAI PERABOT	RM180.00
27	KEDAI ELEKTRIK	RM180.00
28	KEDAI EMAS	RM180.00
29	KEDAI PERUBATAN	RM90.00
30	BAIKI HAWA DINGIN	RM90.00
31	ALAT GANTI	RM120.00
32	ALAT TULIS	RM70.00
33	KEDAI HARDWARE	RM120.00
34	KEDAI KOMPUTER	RM120.00

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN
(LESEN KOMPOSIT)**

35	JUAL GAS	RM80.00
36	PASARAYA	RM360.00
37	MINI MARKET	RM130.00
38	SEK. PERDAGANGAN	RM150.00
39	BAIKI RADIO/TV	RM60.00
40	KILANG	RM400.00
41	ALAT PERTUKANGAN	RM120.00
42	TAN SEMBELIH	RM70.00
43	KEDAI JAM	RM60.00
44	KAUNTER TIKET BAS	RM70.00
45	PAM MINYAK	RM120 - 2 Pam RM 50.00/+Pam
46	JUAL TAYAR	RM90.00
47	WAKIL INSURAN	RM90.00
48	KEDAI GAMBAR	RM80.00
49	KEJURUTERAAN	RM120.00
50	ANAK IKAN HIASAN	RM70.00
51	KEDAI KACA	RM90.00
52	KEDAI KASUT	RM90.00
53	BAIKI JENERATOR	RM130.00
54	PERBAIKI MESIN PADI	RM180.00
55	KERETA TERPAKAI	RM360.00
56	STOKIS	RM90.00
57	KEDAI RUNCIT	RM70.00
58	KEDAI JAHIT	RM70.00
59	KEDAI HANDPHONE	RM120.00
60	KEDAI CENDERAMATA	RM90.00
61	PROSES AYAM	RM90.00
62	BAHAN BINAAN	RM120.00
63	SALON KECANTIKAN	RM90.00
64	KERETA SEWA	RM150.00
65	PERALATAN HOSPITAL	RM120.00
66	ALATAN MEMANCING	RM90.00
67	PEJABAT URUSAN	RM90.00
68	BARANG ALUMINIUM	RM90.00
69	JENTERA PERTANIAN	RM180.00
70	BARANG PLASTIK	RM90.00
71	KEDAI PAKAIAN / BUTIK	RM90.00
72	BARANG BULUH/ROTAN	RM90.00
73	SEWA ALAT PENGANTIN	RM90.00
74	CERMIN MATA	RM90.00
75	KEDAI BUKU	RM90.00
76	PASAR MALAM	RM15.00
77	PUSAT TUISYEN	RM90.00
78	DAGING BEKU	RM90.00

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN
(LESEN KOMPOSIT)**

79	TELEKOMUNIKASI	RM90.00
80	HIASAN DALAMAN	RM90.00
81	FARMASI	RM180.00
82	HERBA/UBAT	RM90.00
83	PUSAT BACAAN	RM120.00
84	BAIKI LORI	RM180.00
85	KEDAI KESET	RM60.00
86	MAHJONG	RM130.00
87	PEMROSESAN MAKANAN	RM120.00
88	MINUMAN BERKARBONAT	RM90.00
89	TASKA	RM150.00
90	TADIKA	RM150.00
91	PUSAT DOBI	RM150.00
92	KEDAI KAIN/KARPET	RM120.00
93	LESEN PEJ.KONTRAKTOR	RM90.00
94	BENGKEL PERABOT	RM240.00
95	HOMESTAY / RUMAH TUMPANGAN	RM240.00
96	GUDANG	RM800.00
97	KEDAI MAKANAN DAN MINUMAN	RM120.00
98	KATERING	RM180.00
99	PERKHIDMATAN SEWA KERETA MAINAN ELEKTRIK	RM120.00
100	PERKHIDMATAN BADUT DAN MASKOT	RM60.00

16.0 KEPUTUSAN/OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

1. Perakuan Pendaftaran Lesen/Surat Kelulusan/Sticker Lesen dikeluarkan kepada pemohon bagi membolehkan aktiviti perniagaan dijalankan secara sah.
2. Tempoh sah laku sesuatu lesen perniagaan adalah 1 tahun dan pemegang lesen perlu memperbaharui lesen dua minggu sebelum ianya tamat pada tahun berikutnya.
3. Pihak Majlis akan membuat pemantauan secara berkala ke atas premis-premis perniagaan yang telah dilesenkan.

17.0 PEMBAHARUAN, PINDAAN & PEMBATALAN LESEN PERNIAGAAN

17.1 PEMBAHARUAN

1. Pemegang lesen perniagaan PBT perlu hadir ke pejabat bagi memperbaharui lesen perniagaan setelah tempoh sah laku hampir tamat.
2. Bayaran pembaharuan adalah sama dengan kadar tahunan yang tertera pada bil lesen tahun sebelumnya.
3. Bayaran denda akan dikenakan ke atas pembaharuan lesen yang telah tamat tempoh mengikut dasar/peraturan yang telah ditetapkan.
 - Bayaran denda lewat RM 30.00 akan dikenakan bagi lesen perniagaan yang lewat diperbaharui dan tambahan RM 10.00 bagi setiap bulan kelewatan.

17.2 PINDAAN

1. Sekiranya pemegang lesen perniagaan berhasrat menukar/menambah/mengurang jenis aktiviti perniagaan, permohonan perlu dikemukakan kepada pihak Majlis dengan mengisi borang BORANG PERMOHONAN PINDAAN.
2. Maklum balas/kelulusan akan dikeluarkan setelah pihak Majlis berpuas hati ke atas lawatan tapak/pembuktian permohonan pertukaran yang telah dibuat.
3. Kadar bayaran/caj wang pemprosesan adalah sebanyak RM30.00 bagi setiap permohonan.

Kaedah Permohonan :

Borang boleh didapati di Kaunter Hasil Pejabat Majlis Daerah Yan atau Kaunter Hasil Pejabat Cawangan Guar Chenmpedak.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN
(LESEN KOMPOSIT)

Contoh Borang Pindaan

DIKENAKAN BAYARAN PROSES RM30.00



BAHAGIAN PELESENAN
MAJLIS DAERAH YAN
BORANG PERMOHONAN PINDAAN

Sila Tanda (✓) yang berkaitan

- Pertukaran Nama Syarikat / Pemilik
 Tambah Aktiviti Perniagaan
 Kemaskini Maklumat Perniagaan

PERTUKARAN NAMA SYARIKAT / PEMILIK

1.0 BUTIR-BUTIR PELESEN ASAL

Nama Syarikat /
Nama Perniagaan : _____
Nama Pelesen : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Aktiviti Perniagaan : _____
Alamat Perniagaan : _____
No. Akaun Lesen : _____

2.0 BUTIR-BUTIR PELESEN BARU

Nama Pelesen Baru : _____
Nama Perniagaan : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Nama Perniagaan Baru : _____
No. Pendaftaran : _____
Tarikh Daftar : _____
No. Telefon : _____
Alamat Perniagaan : _____
: _____

17.3 PEMBATALAN

1. Pihak PBT berhak pada bila-bila masa untuk membatalkan kelulusan lesen perniagaan sekiranya pemegang lesen didapati melanggar mana-mana syarat atau arahan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis
2. Sekiranya pemohon ingin membuat pembatalan lesen perniagaan, pemohon boleh mengemukakan surat permohonan kepada pihak PBT untuk diproses dan diluluskan

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN DAN IKLAN
(LESEN KOMPOSIT)